



17 JUL, 2024

E-bike, arak, kenderaan bernilai RM4.74 juta dirampas

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

E-bike, arak, kenderaan bernilai RM4.74 juta dirampas

KLANG: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah II (Selangor) merampas e-bike pelbagai jenis, minuman keras serta kenderaan bernilai RM4.74 juta dalam operasi berasingan di sekitar Pelabuhan Barat dan Utara di sini dan Lembah Klang, baru-baru ini.

Penolong Ketua Pengarah JKDM Zon Tengah Norlela Ismail berkata, 79 unit e-bike jenis skuter bernilai RM169,450 dirampas susulan pemeriksaan ke atas sebuah kontena di Pelabuhan Utara pada 3 Julai lepas.

Beliau berkata, barangan itu disorok di antara barang alat ganti kenderaan, pakaian dan peralatan perkakasan yang tidak dikira bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

"Semakan lanjut mendapati premis yang digunakan sebagai alamat dalam Borang Kastam No. 1 juga tidak wujud dan telah ditutup beberapa tahun lepas," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Dalam kes berasingan JKDM turut merampas lapan motosikal elektrik dan 375 liter minuman

keras yang masing-masing bernilai RM5,250 dan RM55,373 daripada sebuah kontena di Pelabuhan Barat pada 28 Julai.

Norlela berkata, semakan dengan Kementerian Pelaburan Perdagangan dan Industri (MITI) mengesahkan syarikat terbabit tidak mempunyai permit import dan ketika pemeriksaan dilakukan barangan ditemukan disembunyikan di sebalik perabot dan barangan dapur.

"Motosikal elektrik adalah barang larangan yang pengimportan dibenarkan dengan syarat mempunyai permit import dari MITI dan syarat itu dijelaskan di bawah Butiran 7, Bahagian II, Jadual Kedua, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023.

"Minuman keras pula barang larangan yang pengimportan dibenarkan dengan syarat di bawah Butiran 67, Bahagian 1, Jadual III, Perintah Kastam



HASIL RAMPASAN... Norlela Ismail (kanan) melihat rampasan e-bike pada sidang akhbar berhubung JKDM Zon Tengah Unit II (Selangor) berjaya menyekat penyeludupan e-bike, minuman keras dan merampas kenderaan kereta dan penggerak utama (Prime Mover) pada sidang akhbar di Pejabat Kastam Pelabuhan Utara, semalam. • Foto BERNAMA

(Larangan Mengenai Import) 2023," katanya.

Beliau berkata, serbuan ke atas sebuah gudang penyimpanan kenderaan di Pelabuhan Barat pada 3 Julai lepas JKDM menemukan sebanyak 15 unit penggerak utama (prime mover) dan satu unit lori tangki air bernilai RM3.97 juta.

Norlela berkata, penggerak utama dan lori tangki air itu telah disimpan selama empat tahun di Zon Bebas di kawasan sama dan pengimport gagal mengemukakan permit import dari MITI bagi kenderaan terbabit.

Penggerak utama dan lori tangki air adalah barang larangan yang pengimportan dibenarkan dengan syarat mempunyai lesen import di bawah Butiran 8 dan Butiran 9, Bahagian II, Jadual Kedua, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023.

Norlela berkata, pihaknya turut merampas empat unit kenderaan import pelbagai jenis bernilai RM533,400 selepas menyerbu sebuah gudang dan premis di sekitar Lembah Klang pada 26 Jun lepas.

— Bernama



17 JUL, 2024

E-bike, arak, kenderaan bernilai RM4.74 juta dirampas

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KLANG: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah II (Selangor) merampas e-bike pelbagai jenis, minuman keras serta kenderaan bernilai RM4.74 juta dalam operasi berasingan di sekitar Pelabuhan Barat dan Utara di sini dan Lembah Klang, baru-baru ini. Penolong Ketua Pengarah JKDM Zon Tengah Norlela Ismail berkata, 79 unit e-bike jenis skuter bernilai RM169,450 dirampas susulan pemeriksaan ke atas sebuah kontena di Pelabuhan Utara pada 3 Julai lepas.